



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SELASA, 12 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>HANTAR ANAK KE TASKA, PUSAT PENJAGAAN BERDAFTAR - NANCY</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hantar-anak-ke-taska-pusat-penjagaan-berdaftar-nancy-449630">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hantar-anak-ke-taska-pusat-penjagaan-berdaftar-nancy-449630</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="http://thesun.my/cerita/berita/hantar-anak-ke-taska-pusat-penjagaan-berdaftar-nancy-BN11855488">http://thesun.my/cerita/berita/hantar-anak-ke-taska-pusat-penjagaan-berdaftar-nancy-BN11855488</a>	THESUN.MY
	<a href="https://selangorjournal.my/2023/12/send-children-to-registered-childcare-centres-minister/">https://selangorjournal.my/2023/12/send-children-to-registered-childcare-centres-minister/</a>	SELANGORJOURNAL.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2253090">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2253090</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2253068">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2253068</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>'MORE GIRLS ABUSED COMPARED TO BOYS'</b>	
	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/12/11/more-girls-abused-compared-to-boys">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/12/11/more-girls-abused-compared-to-boys</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>DEWAN NEGARA: LEBIH 600 TASKA MASIH BELUM BERDAFTAR</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/dewan-negara-lebih-600-taska-masih-belum-berdaftar/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/dewan-negara-lebih-600-taska-masih-belum-berdaftar/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>430 TASKA BERJAYA 'DIPUTIHKAN' JKM – NANCY</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/11/430-taska-berjaya-diputihkan-jkm-nancy/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/11/430-taska-berjaya-diputihkan-jkm-nancy/</a>	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>LELAKI JUGA JADI MANGSA DERA</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/lelaki-juga-jadi-mangsa-dera/">https://suarasarawak.my/lelaki-juga-jadi-mangsa-dera/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/breaking-silence-on-sexual-harassment-against-men/">https://www.newsarawaktribune.com.my/breaking-silence-on-sexual-harassment-against-men/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>COPS RESCUE 22-YEAR-OLD WOMAN FROM BEING TRAFFICKED OVERSEAS</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/11/cops-rescue-22-year-old-woman-from-being-trafficked-overseas/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/11/cops-rescue-22-year-old-woman-from-being-trafficked-overseas/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/11/penang-cops-rescue-woman-locked-in-house-waiting-to-be-trafficked-overseas">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/11/penang-cops-rescue-woman-locked-in-house-waiting-to-be-trafficked-overseas</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039599/kurungan-diserbu-polis-selamatkan-wanita-nyaris-dijual">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039599/kurungan-diserbu-polis-selamatkan-wanita-nyaris-dijual</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/wanita-dikurung-sebelum-diseludup-ke-negara-jiran-diselamatkan-polis/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/wanita-dikurung-sebelum-diseludup-ke-negara-jiran-diselamatkan-polis/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1187835/polis-selamatkan-wanita-yang-dikurung-untuk-di-hantar-ke-negara-jiran">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1187835/polis-selamatkan-wanita-yang-dikurung-untuk-di-hantar-ke-negara-jiran</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/639128/berita/semasa/polis-selamatkan-wanita-dikurung">https://www.sinarharian.com.my/article/639128/berita/semasa/polis-selamatkan-wanita-dikurung</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-selamatkan-wanita-dikurung-tahan-seorang-lelaki-449624">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-selamatkan-wanita-dikurung-tahan-seorang-lelaki-449624</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://tvstv.my/2023/12/11/polis-selamatkan-gadis-22-tahun-dikurung-cuba-dihantar-ke-negara-jiran/">https://tvstv.my/2023/12/11/polis-selamatkan-gadis-22-tahun-dikurung-cuba-dihantar-ke-negara-jiran/</a>	TVSTV.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/11/wanita-dikurung-sindiket-dagang-manusia-diselamatkan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/12/11/wanita-dikurung-sindiket-dagang-manusia-diselamatkan/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>BUKAN SENANG JADI BAPA TUNGGAL, KAMI JUGA PERLUKAN SOKONGAN EMOSI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039526/bukan-senang-jadi-bapa-tunggal-kami-juga-perlukan-sokongan-emosi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039526/bukan-senang-jadi-bapa-tunggal-kami-juga-perlukan-sokongan-emosi</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>IBU MENGAKU SUBAHAT DENGAN SUAMI ROGOL ANAK TIRI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039540/ibu-mengaku-subahat-dengan-suami-rogol-anak-tiri">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039540/ibu-mengaku-subahat-dengan-suami-rogol-anak-tiri</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-mengaku-subahat-biar-suami-rogol-anak-kandung/">https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-mengaku-subahat-biar-suami-rogol-anak-kandung/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1187745/ibu-mengaku-subahat-suami-rogol-anak-tiri">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1187745/ibu-mengaku-subahat-suami-rogol-anak-tiri</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=8PVr5fe5Fbs">https://www.youtube.com/watch?v=8PVr5fe5Fbs</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>DIJEL 12 TAHUN, DUA SEBATAN ROGOL REMAJA BAWAH UMUR</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039534/dijel-12-tahun-dua-sebatan-rogol-remaja-bawah-umur">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039534/dijel-12-tahun-dua-sebatan-rogol-remaja-bawah-umur</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>ROGOL ANAK ARWAH RAKAN, LELAKI DIPENJARA 12 TAHUN, DISEBAT 8 KALI</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/rogol-anak-arwah-rakan-lelaki-dipenjara-12-tahun-disebat-8-kali/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/rogol-anak-arwah-rakan-lelaki-dipenjara-12-tahun-disebat-8-kali/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/11/rogol-anak-arwah-rakan-lelaki-dipenjara-12-tahun/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/11/rogol-anak-arwah-rakan-lelaki-dipenjara-12-tahun/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=cWhf2KR8QZY">https://www.youtube.com/watch?v=cWhf2KR8QZY</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/12/11/ingatkan-kucing-rupanya-merangkak-untuk-merogol/">https://www.kosmo.com.my/2023/12/11/ingatkan-kucing-rupanya-merangkak-untuk-merogol/</a>	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA  
MADANI

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	"KELUAR NANTI JADI ORANG BARU" - HAKIM <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039536/keluar-nanti-jadi-orang-baru-hakim">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1039536/keluar-nanti-jadi-orang-baru-hakim</a>	HMETRO.COM.MY



## Hantar anak ke taska, pusat penjagaan berdaftar - Nancy

Bernama

Disember 11, 2023 15:33 MYT



*Ini kerana pengoperasian taska dan pusat penjagaan kanak-kanak berkenaan telah diselaras supaya memenuhi syarat-syarat teknikal ditetapkan. -Gambar hiasan/FreePik*

**KUALA LUMPUR:** Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri meminta ibu bapa supaya menghantar anak-anak mereka ke taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar.

Nancy berkata ini kerana pengoperasian taska dan pusat penjagaan kanak-kanak berkenaan telah diselaras supaya memenuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pihak berkuasa tempatan.

"Sehingga 4 Dis lepas, 430 taska daripada jumlah keseluruhan 1,080 taska yang dikenal pasti tidak berdaftar di bawah JKM setakat Jun tahun ini, telah berjaya mematuhi syarat pengoperasian dan didaftarkan untuk membolehkan mereka beroperasi dengan sah, manakala 650 lagi masih dalam proses permohonan," katanya dalam sesi jawab lisan di sidang Dewan Negara hari ini

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee yang ingin tahu pelan tindakan termasuk status terhadap taska tidak berdaftar yang banyak memberi impak negatif hingga berlakunya kes penderaan serta kematian kanak-kanak.

Dalam pada itu, beliau memohon kerjasama semua pihak, termasuk ibu bapa dan penjaga kanak-kanak, untuk melaporkan taska tidak berdaftar kepada JKM demi keselamatan anak-anak.

Nancy berkata langkah itu bukan bertujuan untuk menutup taska terbabit dan menyusahkan ibu bapa sebaliknya ia bertujuan memutihkan pengoperasian dengan membantu taska dan pusat jagaan kanak-kanak itu mematuhi syarat dan seterusnya berdaftar.

"Untuk perkara ini, KPWK bekerjasama dengan agensi berkaitan di setiap negeri melalui one-stop centre (OSC) yang dipengerusi oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat negeri bagi membincangkan isu berkaitan pendaftaran taska dan mempercepatkan proses tersebut," katanya.

Beliau turut meminta orang ramai untuk merujuk senarai taska yang berdaftar di laman web rasmi JKM di [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my).



## 'More girls abused compared to boys'

By YEE XIANG YUN



METRO NEWS

Monday, 11 Dec 2023



Nancy says out of 5,216 reported cases of child abuse up to August 2023, 3,348 girls fell victim to physical, sexual and emotional abuse.

GIRLS continue to be more vulnerable to violence and abuse compared to boys, according to statistics from the Social Welfare Department.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said out of the 5,216 cases of child abuse reported this year as at August, a total of 3,348 girls had fallen victim to physical, sexual and emotional abuse.

"This is higher compared to the number of boys recorded, which is 1,868.

"Similarly in previous years, the number of girls who were victims of abuse was higher compared to boys."

She said last year, out of a total of 6,770 abused children, 4,303 were girls, while in 2021, it was 4,005 out of 6,144.

Nancy said this when attending the national-level World Children's Day celebration at a hotel in Johor Baru.

She added that there had been an increase in the number of child abuse cases over the years.

She attributed this to more cases being reported to the authorities, adding that child abuse did not only take place at home but also at childcare centres and pre-schools.

To safeguard the safety of children, her ministry had taken several measures such as improving the child sex offenders registry, looking into making it mandatory for childcare centres to instal closed circuit television cameras, and working with the police to improve the vetting system on those wanting to work with children, she added.

When asked about the death of children being left unattended in vehicles, Nancy said she had spoken to the Transport Minister on a suggestion she received, which was to prohibit tinted vehicle windows.

"That is not my suggestion. It was one view I received from the public regarding the matter, and I have spoken to the minister about it casually.

"This is because we are not sure whether (tinted windows) is the cause of such incidents.

"It will be up to the (Transport Ministry) to look into the suggestion as it is not under my ministry's jurisdiction," she added.



## DEWAN NEGARA: Lebih 600 taska masih belum berdaftar



NANCY SHUKRI

KUALA LUMPUR: Kira-kira 650 taman asuhan kanak-kanak (*taska*) masih belum berdaftar dan tidak beroperasi secara sah setakat 4 Disember 2023.

Ini setelah sebanyak 430 *taska* daripada jumlah 1,080 *taska* yang tidak berdaftar pada Jun lalu mematuhi syarat-syarat dan didaftarkan untuk membolehkan mereka beroperasi dengan sah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihak kementerian sedang melaksanakan langkah pemutihan bagi membantu *taska* mematuhi syarat dan seterusnya berdaftar.

"Kita berikan khidmat nasihat, kita bantu mereka untuk mematuhi syarat-syarat oleh agensi teknikal iaitu Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pihak berkuasa tempatan dan apabila mereka memenuhi semua syarat, kita daftarkan mereka secara sah.

"Untuk perkara ini, kita bekerjasama dengan ketiga-tiga agensi teknikal di setiap negeri melalui pusat khidmat setempat bagi membincangkan isu berkaitan pendaftaran *taska* dan mempercepatkan proses pendaftaran," katanya ketika sesi pertanyaan menteri dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Beliau turut mengingatkan ibu bapa atau penjaga agar menghantar anak-anak ke *taska* yang berdaftar kerana pengoperasian *taska* tertakluk kepada syarat dan peraturan demi memastikan ia dioperasikan mengikut amalan terbaik.


"Kita juga mohon kerjasama semua pihak terutamanya ibu bapa dan penjaga sendiri agar melaporkan *taska* yang tidak berdaftar kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat demi keselamatan anak-anak kita.

"Bukan bermakna jika dilaporkan, *taska* tersebut akan ditutup dan akan menyulitkan ibu bapa. Tetapi kita perlu melihat dari sudut pandang yang lebih luas iaitu mengurangkan risiko kejadian tidak diingini demi kesejahteraan dan keselamatan anak-anak kita," katanya.

Katanya lagi, antara perkara yang dilaksanakan untuk memastikan pematuhan syarat dan undang-undang dalam mengoperasikan *taska* adalah garis panduan khas terhadap *taska* atau pusat jagaan dalam siasatan polis yang baru dikuatkuasakan pada 10 April 2023.

"Garis panduan ini dikeluarkan bagi memastikan tindakan segera dapat diambil bagi kes-kes yang melibatkan *taska* dan pusat jagaan yang dalam siasatan polis kerana disyaki terdapat kes penderaan, pengabaian, mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak, penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan yang berlaku di premis tersebut," katanya.

-UTUSAN



## 430 taska berjaya 'diputihkan' JKM – Nancy

Oleh KOSMO! 11 Disember 2023, 3:23 pm



KUALA LUMPUR – Sebanyak 430 taman asuhan kanak-kanak (taska) daripada 1,080 yang beroperasi secara 'haram' sebelum ini telah mendapat kelulusan beroperasi dengan sah daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, jumlah tersebut adalah setakat 4 Disember lalu dan kesemua taska itu kini telah mematuhi syarat-syarat dan yang telah ditetapkan JKM.

Justeru katanya, ibu bapa dan penjaga dinasihatkan supaya menghantar anak mereka ke taska yang berdaftar kerana pengoperasian pusat itu adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan demi memastikan ia dioperasikan mengikut amalan terbaik.

"Kita juga mohon kerjasama semua pihak, terutamanya ibu bapa dan penjaga sendiri, agar melaporkan taska yang tidak berdaftar kepada JKM demi keselamatan anak-anak kita.

"Bukan bermakna jika dilaporkan, taska tersebut akan ditutup dan akan menyulitkan ibu bapa.

"Tetapi, perlu melihat dari sudut pandangan lebih luas, iaitu mengurangkan risiko kejadian tidak diingini demi kesejahteraan dan keselamatan anak-anak kita,"katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Senator Datuk Teo Kok Chee yang mahu pihak kementerian menyatakan pelan tindakan termasuk status terhadap taska tidak berdaftar yang banyak memberi impak negatif hingga berlakunya kes penderaan serta kematian kanak-kanak.

Terdahulu, Nancy memaklumkan, setakat Jun lalu, JKM telah mengenal pasti sebanyak 1,080 buah taska yang beroperasi tanpa pendaftaran yang sah di seluruh negara.

Jelasnya, kesemua taska itu telah dinilai JKM bagi meneliti apakah faktor yang menyebabkan mereka tidak berdaftar.


"Kita memahami permintaan oleh ibu bapa terhadap perkhidmatan taska-taska ini di tempat mereka, namun kita tidak boleh berkompromi terhadap sebarang ketidakpatuhan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

"Oleh sebab itu, kita mengambil pendekatan untuk "memutihkan" mereka, iaitu membantu taska ini mematuhi syarat dan seterusnya berdaftar,"ujarnya. – KOSMO! ONLINE



## Lelaki juga jadi mangsa dera

NUR HAZIRAH SHUKUR ■ ANALISIS 11 Disember 2023 9 jam lepas



**BERBICARA** mengenai isu keganasan yang berlaku dalam rumah tangga, kebanyakan kes akan lebih tertumpu kepada wanita kerana golongan ini yang banyak terkesan.

Perkara tersebut kerana kebanyakan mangsa yang tampil melaporkan kes adalah dalam kalangan wanita ataupun melibatkan kanak-kanak dan ini juga adalah realiti yang berlaku di Malaysia.

Sememangnya tidak dinafikan bahawa kes penderaan rumah tangga ini berkait rapat dengan wanita kerana kebanyakan mereka telah menjadi mangsa tidak kira penderaan fizikal atau mental.

Namun, apakah yang dimaksudkan dengan keganasan rumah tangga? Adakah ia hanya merujuk kepada wanita semata-mata?

Menurut laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), keganasan rumah tangga merupakan perbuatan secara sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam ketakutan; mencederakan secara fizikal, memaksa atau mengancam melakukan hubungan seksual; khianat atau merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan atau kegusaran.

Sehubungan itu, sedar atau tidak walaupun kes keganasan rumah tangga selalunya dikaitkan dengan wanita dan kanak-kanak, tanpa kita sedar lelaki juga menjadi mangsa penderaan yang juga dilindungi di bawah undang-undang di negara ini.

Perkara tersebut didedahkan sendiri oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri yang menyatakan bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) bukan hanya melindungi golongan wanita tetapi juga lelaki.

Menurutnya, walaupun mangsa keganasan rumah tangga sering dikaitkan dengan wanita tetapi lelaki juga ada yang menjadi mangsa, sekali gus dilindungi oleh undang-undang.

Katanya lagi, dari segi sasaran mungkin lebih kepada wanita kerana golongan ini banyak terkesan, tetapi akta tersebut juga diguna pakai untuk lelaki di Malaysia.

Bagaimanapun, jika lelaki menjadi mangsa penderaan atau keganasan rumah tangga, berapa ramai yang tampil membuat aduan?

Memetik laporan berita nasional, Pensyarah undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Profesor Madya Dr Khairil Azmin Mokhtar memaklumkan, sesiapa sahaja mangsa keganasan rumah tangga tidak kira wanita atau lelaki mempunyai hak untuk dilindungi seperti termaktub dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521).

Menurutnya, kalau kita lihat definisi mangsa dalam akta tersebut jelas menunjukkan undang-undang ini tidak membezakan mangsa keganasan melalui jantina.

Malah, jelasnya, jika kita lihat dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 8 pun menjamin kesamarataan seperti yang termaktub dalam Perkara 8 (1) yang menyatakan semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan sama rata, tidak kira lelaki mahupun perempuan.

Manakala, dalam Perkara 8 (2) juga menyatakan tidak boleh ada diskriminasi dalam undang-undang termasuk jantina. Ini sangat jelas, lelaki juga mempunyai hak untuk dilindungi daripada keganasan rumah tangga.

Dalam pada itu, Pusat Perkhidmatan Krisis Bersepadu (OSCC) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 9,704 kes keganasan rumah tangga yang mendapatkan rawatan di pusat berkenaan pada tahun lalu.

Pegawai Pusat Kecemerlangan (KKM), Mejar Bersekutu (PA) Kasturi Bai memaklumkan, daripada jumlah tersebut, 84 peratus iaitu 8,145 kes adalah wanita dan selebihnya 1,559 kes mangsa lelaki.

Menurutnya, kes keganasan rumah itu melibatkan penderaan fizikal sebanyak 5,361 wanita berbanding 1,327 lelaki manakala seksual (2,671 wanita dan 197 lelaki) serta psikologi (113 wanita dan 35 lelaki).

Melihat kepada angka tersebut, sememangnya kes penderaan yang menjadikan lelaki sebagai mangsa ini lebih rendah jika dibandingkan dengan wanita.

Tetapi jika perkara ini dibiarkan berterusan, keadaan juga boleh menjadi semakin parah.

Kes penderaan atau keganasan rumah tangga dalam kalangan lelaki ini juga bukan bahan jenaka, kerana dalam masyarakat kita hari ini, kes sedemikian juga tidak mustahil berlaku.

Mungkin kedengaran lucu atau sukar dipercayai bahawa wanita yang dianggap lemah boleh menjadi "pemangsa".

Namun, tiada yang mustahil.

Disebabkan itu, semua pihak perlu memahami bahawa akta tersebut adil.

Jadi, sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita juga perlu memikirkan perkara ini dengan lebih serius supaya mangsa lelaki tidak malu tampil membuat laporan.



## Bukan senang jadi bapa tunggal, kami juga perlukan sokongan emosi

Ahmad Hasbi  
am@ihmetro.com.my



Nasarudin bersama dua anak. FOTO AZRUL EDHAM

Seremban: Bergelar bapa tunggal sejak enam tahun lalu bukan mudah bagi Nasarudin Mahmud Albakri, 56, malah dia turut berdepan pelbagai cabaran bagi membesarkan empat anak, termasuk dua berstatus orang kurang upaya (OKU).

Sejak isterinya meninggal dunia pada 2018, Nasarudin terpaksa berhenti kerja di Lembah Klang dan tinggal di kampung untuk menguruskan anak selain pada masa sama, mengambil upah kerja kampung sebagai mata pencarian.

Menurutnya, ramai melihat ibu tunggal yang berhadapan dengan dugaan dan perlu dibantu, namun bapa tunggal juga perlukan sokongan, terutama daripada segi emosi.

"Sebelum ini, saya bekerja sebagai penyelia dalam sektor makanan dan minuman (F&B) di Subang, Selangor. Ketika itu, isteri yang menguruskan empat anak termasuk anak sulung dan keempat yang berstatus OKU.

"Pada 2018, isteri meninggal dunia akibat serangan jantung ketika tidur. Saya ambil keputusan berhenti kerja dan memberi tumpuan terhadap anak," katanya ketika ditemui di rumahnya di Batu 8, Labu, di sini.

Nasarudin berkata, anak sulung, Mohd Firdaus, 25, dikategorikan sebagai lembam, manakala anak bongsu Mohd Fazriq, 18, didiagnosis sebagai hiperaktif dan dua lagi masing-masing berusia 21 serta 23 tahun baru mendapat kerja.

"Jika saya keluar mengambil upah kerja kampung, abangnya akan menjaga dan memantau Fazriq. Namun, dengan situasi Firdaus juga yang tidak mampu berfikir dengan sempurna, membuatkan saya tidak boleh meninggalkan mereka dalam masa lama.

"Pada tengah hari, saya perlu sediakan makan. Fazriq akan mengamuk jika makanan lambat disiapkan.

"Walaupun usianya 18 tahun, namun dia masih berkelakuan seperti anak kecil. Dia kerap melompat dan sangat aktif malah ada kalanya, barangan rumah turut rosak.

"Saya juga tidak pergi jauh untuk bekerja. Jika ke rumah saudara-mara untuk beraya, kami bergilir-gilir menjaganya di dalam kereta kerana dia sukar dikawal," katanya.

Luah Nasarudin, dia kini menumpang di rumah milik keluarga isterinya dan pernah memohon untuk mendapatkan rumah projek perumahan rakyat (PPR), namun masih belum ada rezeki.

"Ketika saya masih hidup ini, mungkin saya boleh usahakan tempat tinggal untuk anak-anak. Jika saya tiada esok dan masih menumpang di rumah ini, kita tidak tahu apa yang bakal berlaku.


"Dengan pendapatan yang tidak seberapa, saya tidak mampu untuk membeli rumah dan kerana itu memohon PPR. Simpanan ketika bekerja dulu sebagai bekalan untuk anak-anak kelak," katanya.

Menjawab jika berniat untuk mencari ibu baharu kepada anak-anaknya, Nasarudin berkata, dia berpendapat mungkin tiada wanita yang sanggup menerima keadaan anak-anaknya.

"Sebenarnya, bergelar bapa tunggal terutama yang kehilangan isteri kerana meninggal dunia ini juga satu cabaran bagi golongan lelaki, bukan terhadap wanita sahaja," katanya.



## Rogol anak arwah rakan, lelaki dipenjarakan 12 tahun, disebat 8 kali



PUTRAJAYA: Seorang lelaki diperintah menjalani hukuman penjara 12 tahun dan lapan sebatan atas tiga kesalahan seksual termasuk merogol anak perempuan arwah rakannya yang ketika kejadian berusia 15 tahun.

Mahkamah Rayuan memutuskan demikian secara sebulat suara terhadap Faizal Anuar Mat Isa, 40, selepas membenarkan rayuan akhirnya agar hukuman penjara bagi ketiga-tiga kesalahan berkuat kuasa serentak.

Menurut keterangan kes, remaja itu sedang didatangi haid ketika dirogol di rumah datuknya di Sungai Siput, Perak kira-kira pukul 2 pagi, 3 Januari 2020. Faizal Anuar merupakan rakan arwah bapanya yang dikenali sejak bersekolah tadika.

Panel tiga hakim diketuai oleh Datuk Hadharah Syed Ismail mengekalkan sabitan dan hukuman sebatan sebanyak lapan kali terhadap Faizal Anuar. Beliau yang bersidang bersama-sama Mohamed Zaini Mazlan dan Datuk Azmi Ariffin bagaimanapun mengetepikan keputusan Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar yang memerintahkan hukuman penjara dijilankan secara berasingan.

Hakim Azmi dalam penghakiman bertulisnya yang diperoleh media hari ini menyatakan, Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar sepatutnya memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak.

"Ketiga-tiga pertuduhan melibatkan hanya seorang mangsa manakala masa dan tempat kejadian juga sama. Mahkamah Sesyen terkhilaf apabila memerintahkan hukuman berkuat kuasa secara berasingan.

"Ini kerana hakim bicara tidak menimbangkan prinsip 'satu transaksi' dan kesilapan itu mewajarkan panel ini campur tangan," ujar Hakim Azmi dalam penghakiman bertarikh 8 Disember lalu.

Faizal Anuar diwakili peguam Ilyani Khuszairy manakala Timbalan Pendakwa Raya P. Sarulatha mewakili pihak responden. Bagi tuduhan pertama, perayu disabitkan mengugut untuk mencederakan mangsa sebelum merogolnya dan kesalahan dilakukan mengikut Seksyen 376(2)(b) Kanun Keseksaan.

Tuduhan kedua dan ketiga masing-masing mengikut Seksyen 14(b) dan Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Fakta kes pendakwaan menunjukkan, ketika kejadian mangsa tidur bersama-sama adik lelaki di ruang tamu rumah datuk mereka di Sungai Siput sebelum terjaga kerana terdengar bunyi yang disangkakan kucing.

Dia kemudian melihat seorang lelaki memakai penutup muka sedang merangkak ke arahnya sambil memegang sebilah pisau sebelum mengacukannya dan mengarahkan mangsa memasuki sebuah bilik.

"Kamu dengar cakap aku, kalau kamu tak dengar, aku tikam kamu," demikian ugut perayu menyebabkan mangsa ketakutan dan bimbang nyawa mereka dua beradik terancam.

Fakta kes pendakwaan juga menyatakan, remaja itu mengcam suara Faizal Anuar dan tekaannya tepat bahawa perayu adalah rakan arwah bapanya selepas lelaki itu mendedahkan wajah. Mangsa mengenali perayu sejak bersekolah tadika.

Perayu kemudian memberitahu mangsa dia akan datang semula dan meminta remaja itu merahsiakan kejadian tersebut sebelum keluar melalui tingkap bilik berkenaan. Sejurus selepas itu, mangsa mengejutkan adik lelakinya sambil menangis dan menceritakan dia dirogol selain turut menghubungi ibu angkatnya. Mangsa kemudian ditemani bapa saudaranya membuat laporan polis pada hari yang sama.

Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar kemudian mendapati Faizul Anuar bersalah atas dan memerintahnya menjalani hukuman penjara 12 tahun dan empat sebatan bagi kesalahan merogol.

Dia turut dipenjarakan selama empat tahun dan dua sebatan bagi setiap kesalahan amang seksual fizikal. Hukuman penjara berjalan secara berasingan bermula dari tarikh tangkap pada 6 Januari 2020.

Pada 19 Disember 2022, Mahkamah Tinggi Taiping menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan manakala hukuman penjara dan sebatan berkuat kuasa secara berasingan. –

**UTUSAN**



## "Keluar nanti jadi orang baru" - hakim

Alias Abd Rani  
am@hmetro.com.my



Muar: "Keluar (penjara) nanti jadi orang baru. Ramai yang keluar penjara jadi orang baik," kata Hakim Mahkamah Sesyen Abu Bakar Manat sebelum menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan dua sebatan terhadap seorang lelaki lembam, hari ini.

Hukuman itu dijatuhkan terhadap Fakhru Amin Mohd Nor, 21, yang juga orang kurang upaya (OKU) lembam pelajaran selepas mengaku salah mencabul kenalan bawah umur dalam garaj kereta di Batu Pahat, Julai lalu.

Mahkamah membuat keputusan itu selepas meneliti segala laporan dikemukakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Batu Pahat serta hujahan pihak pembelaan dan juga pendakwaan terhadap tertuduh.

Terdahulu, bekas pekerja kilang itu sekali lagi mengekalkan pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibaca kali ketiga oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, dia dituduh melakukan amang seksual fizikal terhadap kenalan remaja berusia 13 tahun di sebuah rumah di Batu Pahat pada jam 3 pagi, 27 Julai lalu.



Fakhru Amin dijatuhkan hukuman penjara dan sebatan selepas mengaku cabul kenalan bawah umur. Foto Alias Abd Rani

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama dengan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Berdasarkan fakta kes, kejadian itu terbongkar apabila keluarga mangsa terbaca kandungan mesej lucah antara tertuduh dan mangsa di telefon bimbit remaja terbabit sebelum membuat laporan polis pada 27 Julai lalu.

Tertuduh pertama kali didakwa pada hujung Julai lalu namun tak mengaku salah. Sebatan semula kes pada September lalu dan tertuduh kemudian memilih untuk mengaku salah.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh diwakili peguam Syafie Naim.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal terhadap tertuduh dengan mengambil kira kesalahan dilakukan selain kepentingan awam melebihi tertuduh.

Pihak pembelaan pula memohon mahkamah menjatuhkan hukuman paling minimum kerana tertuduh masih muda selain yatim piatu.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman terbabit bermula dari tarikh tertuduh ditangkap, 27 Julai lalu.



TAJUK :	WANITA DIKURUNG SINDIKET PENIPUAN DISELAMATKAN		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	12 DIS 2023	M/SURAT :	16
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Wanita dikurung sindiket penipuan d diselamatkan

**Bukit Mertajam:** Polis berjaya menyelamatkan seorang wanita yang dikurung dan dipercayai akan dihantar ke sebuah negara jiran untuk bekerja dengan sindiket penipuan dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Sanctuary, Machang Bubok di sini, Rabu lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisyoner Tan Cheng San, berkata serbuan dilakukan selepas pihaknya menerima maklumat berkaitan seorang wanita berusia 22 tahun dikurung di rumah itu sejak beberapa hari lalu oleh sindiket pemerdagangan manusia.

"Serbuan pada jam 5.45 petang itu menahan seorang lelaki berusia 34 tahun sebelum menyelamatkan wanita berkenaan.

"Siasatan awal mendapati lelaki itu yang bekerja sendiri, sedang menguruskan mangsa untuk dihantar ke negara jiran bagi bekerja sebagai operator dengan satu sindiket penipuan dalam talian," katanya, semalam.

Beliau berkata, polis turut merampas dua kereta, sebuah komputer riba serta pelbagai peralatan berkaitan kegiatan pelacuran seperti kondom serta tisu.

Cheng San berkata, lelaki itu direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, termasuk mengesan beberapa individu dipercayai terabit dalam rangkaian sindiket itu.

"Polis menasihatkan orang ramai, terutama mereka yang ditawarkan pekerjaan di luar negara dengan gaji yang lumayan supaya membuat semakan terlebih dahulu kerana bimbang menjadi mangsa sindiket penipuan atau pemerdagangan manusia," katanya.

Difahamkan wanita itu ditawarkan pekerjaan di negara jiran dengan gaji lumayan oleh rakan kepada lelaki ditahan dan suspek kononnya mahu menguruskan pasport mangsa dengan mengurungnya di rumah itu sebelum menghantarnya ke luar negara.

BERNAMA

Serbuan pada jam 5.45 petang itu menahan seorang lelaki sebelum diselamatkan wanita itu



**Tan Cheng San,**  
Ketua Polis Daerah  
Seberang  
Perai Tengah



TAJUK : KENA JEL 12 TAHUN ROGOL REMAJA

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Kena jel 12 tahun rogol remaja


**Besut:** Seorang lelaki di-jatuhi hukuman penjara 12 tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan merogol remaja bawah umur, tiga tahun lalu.

Hakim Ahmad Fadhli Mahmud membuat keputusan itu selepas tertuduh, Muhammad Zakwan Mohd Zaid, 23, didapati bersalah terhadap pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol mangsa yang ketika kejadian berusia 15 tahun enam bulan di sebuah ladang kelapa sawit di daerah Setiu, 2 petang pada 3 Jun 2020.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nik Rabiatul Adawiah Soupy, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



TAJUK : RELA ZURIAT DINODAI!

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



TERTUDUH didakwa bersubahat dengan suaminya yang dituduh merogol anak tiri berusia 17 tahun pada 2021.

## IBU SUBAHAT ROGOL ANAK

# Rela zuriat dinodai!

Oleh Alias Abd Rani  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

### Muar

Seorang suri rumah mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan bersubahat dengan suami merogol anak kandung kononnya mahu merawat mangsa diganggu makhluk halus, dua tahun lalu.

Wanita berusia 41 tahun terbabit membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa bersubahat dengan suaminya yang dituduh merogol anak tiri berusia 17 tahun pada 2021.

Sehubungan itu dia didakwa mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksan yang dibaca bersama Seksyen 376B yang hukuman sehingga 30 tahun dan 10 kali sebatan jika sabit

kesalahan.

Manakala suaminya yang berusia 43 tahun pula membuat pengakuan tidak bersalah atas tuduhan mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksan kerana merogol anak tiri.

Jika sabit kesalahan, lelaki yang bekerja sebagai buruh itu boleh dipenjara sehingga 30 tahun serta 10 kali sebatan.

Pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya Daniah Munir manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Serentak dengan itu, mahkamah menetapkan 30 Januari depan untuk menjatuhkan hukuman terhadap wanita itu selain sebutan semula kes, serahan dokumen dan juga laporan perubatan berkaitan kes suaminya.

Mahkamah juga memutuskan reman terhadap kedua-dua tertuduh dilanjutkan mengikut Seksyen 259 Kanun Tatacara Jenayah.



TAJUK : NANCY: SEND CHILDREN TO JKM-REGISTERED CHILDCARE CENTRES

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 12 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Nancy: Send children to JKM-registered childcare centres

**KUALA LUMPUR:** Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri urged parents to send their children to childcare centres that are registered under the Department of Social Welfare (JKM).

The operation of such centres has been streamlined and is subject to technical conditions set by the Ministry of Health, the Fire and Rescue Department and local authorities, she said during the question and answer session in Dewan Negara yesterday.

"There were 1,080 unregistered daycare centres identified as of June this year. Of that number,

430 have registered (under JKM) and complied with the conditions to enable them to operate legally.

"The other 650 are in the midst of application," she said when answering a question by Senator Datuk Teo Eng Tee on the action plan for childcare centres and the status of unregistered ones which had a negative impact, with some even resulting in abuse and death of the children under their care.

Nancy also urged the cooperation of all parties, including parents and guardians, to report unregistered childcare centres to JKM for the safety of all children.

She said the purpose of

reporting unregistered centres was not aimed at closing down such places and causing parents hardship, but to clean up their operations and assist them in complying with the guidelines and registering the facility.

"The ministry works closely with related agencies in every state through the one-stop centre chaired by the director of Social Welfare (Department) on registration issues and to speed up the process," she added.

She also advised the public to refer to the registered childcare centre list at JKM's official website at [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my). — Bernama



TAJUK :	TEEN WHO CONCEALED BABY'S BIRTH PLACED ON GOOD BEHAVIOUR BOND		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	12 DIS 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

# Teen who concealed baby's birth placed on good behaviour bond

**Hafizah Abdul Hamid**

**KUCHING:** A 14-year-old girl who concealed the birth of her daughter last month was yesterday placed on a six-month good behaviour bond by the Magistrates' Court here.

Magistrate Zubaidah Sharkawi made the decision after the teenager pleaded guilty to a charge under Section 67 of the Criminal Procedure Code.

The young offender was allowed to be released on a bond

of RM2,000 with her mother as surety.

Based on the facts of the case, the case complainant – a police officer – was on duty at the Santubong police station when she received a phone call from a member of the public, stating that a baby girl had been found on the grass near Lorong 19, Cahaya Damai in Bandar Baru Samariang at 9.45am on Nov 29, 2023.

The baby, with the umbilical cord still attached, was handed over to the police and sent to


Sarawak General Hospital for further action.

Police investigation led to the arrest of the teenager at around 8pm on Nov 29.

An investigation found that she had no disciplinary issues and was still attending school.

Insp Nur Shafiqah Nyaie Ilin prosecuted the case, while the girl was unrepresented by counsel.

It was previously reported that police on Dec 1 arrested an 18-year-old boy, who is believed to be the girl's partner.



TAJUK : HANTAR ANAK KE TASKA, PUSAT PENJAGAAN BERDAFTAR

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 DIS 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Hantar anak ke taska, pusat penjagaan berdaftar

Pengoperasian penuhi syarat-syarat teknikal Kementerian Kesihatan, bomba, pihak berkuasa tempatan

**KUALALUMPUR:** Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri meminta ibu bapa supaya menghantar anak-anak mereka ke taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar.

Nancy berkata ini kerana pengoperasian taska dan pusat penjagaan kanak-kanak berkenaan telah diselaraskan supaya memenuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pihak berkuasa tempatan.

“Sehingga 4 Dis lepas, 430 taska daripada jumlah keseluruhan 1,080 taska yang dikenal pasti tidak berdaftar di bawah JKM setakat Jun tahun ini, telah berjaya mematuhi syarat pengoperasian dan didaftarkan untuk membolehkan mereka beroperasi dengan sah, manakala 650 lagi masih dalam proses permohonan,” katanya dalam sesi jawapan di sidang Dewan Negara semalam.

“Sehingga 4 Dis lepas, 430 taska daripada jumlah keseluruhan 1,080 taska yang dikenal pasti tidak berdaftar di bawah JKM setakat Jun tahun ini, telah berjaya mematuhi syarat pengoperasian dan didaftarkan untuk membolehkan mereka beroperasi dengan sah, manakala 650 lagi masih dalam proses permohonan.”

**Datuk Seri Nancy Shukri**  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee yang ingin tahu pelan tindakan termasuk status terhadap taska tidak berdaftar yang banyak memberi impak negatif hingga berlakunya kes-penderaan serta kematian kanak-kanak.

Dalam pada itu, beliau memohon kerjasama semua pihak, termasuk ibu bapa dan penjaga kanak-kanak, un-

tuk melaporkan taska tidak berdaftar kepada JKM demi keselamatan anak-anak.

Nancy berkata langkah itu bukan bertujuan untuk menutup taska terbabit dan menyusahkan ibu bapa sebaliknya ia bertujuan memutihkan pengoperasian dengan membantu taska dan pusat jagaan kanak-kanak itu mematuhi syarat dan seterusnya berdaftar.

“Untuk perkara ini, KP-



**BENTANG:** Nancy ketika Sidang Dewan Negara di Bangunan Parlimen semalam. — Gambar Bernama

WKM bekerjasama dengan agensi berkaitan di setiap negeri melalui one-stop centre (OSC) yang dipengerusi oleh Pengarah Kebajikan

Masyarakat negeri bagi membincangkan isu berkaitan pendaftaran taska dan mempercepatkan proses tersebut,” katanya.

Beliau turut meminta orang ramai untuk merujuk senarai taska yang berdaftar di laman web rasmi JKM di [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my). — Bernama



TAJUK :	KEMAS PERLU SENTIASA TAMBAH BAIK PERKHIDMATAN		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	12 DIS 2023	M/SURAT :	04
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# KEMAS perlu sentiasa tambah baik perkhidmatan

Untuk pencapaian kanak-kanak taska, tabika termasuk pencapaian peserta kelas dewasanya

Oleh Borhaniza Ali Basah

SIBU: Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) diharapkan sentiasa berusaha menambah baik perkhidmatan untuk pencapaian kanak-kanak taska dan tabikanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang dan Adat Bumiputera) Datuk Jefferson Jamit Unyat berkata, ini termasuk pencapaian peserta kelas dewasa KEMAS (Kelas Pendidikan Kemahiran dan Kelas Literasi KEMAS).

“Pendidik masyarakat atau pemuja masyarakat KEMAS yang berfungsi sebagai ejen perubahan pendidikan perlu melakukan pelbagai usaha bagi menjadikan kelas taska, tabika dan Kelas Dewasa KEMAS sebagai peneroka ilmu bagi menyiapkan generasi muda dengan keperluan abad ke-21.

“Oleh itu, kakitangan KEMAS perlu sentiasa menerapkan budaya kerja yang positif seperti berdisiplin, bertanggungjawab, berintergriti,



**TERIMALAH:** Jefferson (tiga kiri) menyampaikan plak penghargaan kepada Nule Leban yang akan bersara pada tahun depan setelah berkhidmat selama 42 tahun sebagai pendidik masyarakat KEMAS pada majlis tersebut kelmarin. Turut kelihatan Lena (tiga kanan) dan yang lain.

profesional serta menjaga kerahsiaan jabatan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan

Majlis Makan Malam dan Anugerah Penarafan Bintang KEMAS Kapit di sebuah hotel terkemuka di sini, kelmarin.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan warga KE-

MAS Kapit bahawa pemberian anugerah tersebut bukan hanya sebagai pendorong dan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja

“Pendidik masyarakat atau pemuja masyarakat KEMAS yang berfungsi sebagai ejen perubahan pendidikan perlu melakukan pelbagai usaha bagi menjadikan kelas taska, tabika dan Kelas Dewasa KEMAS sebagai peneroka ilmu bagi menyiapkan generasi muda dengan keperluan abad ke-21.”

**Datuk Jefferson Jamit Unyat**  
Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang dan Adat Bumiputera)

cemerlang semata-mata.

Bahkan katanya, dalam skop yang lebih luas lagi, anugerah ini seharusnya menjadi penggerak transformasi dan peneraju perubahan positif dalam membudayakan kecemerlangan bekerja.

“Teruskanlah kecemerlangan ini sampai bila-bila.

“Segala kejayaan ini tidak seharusnya melekakan kita.

“Benar kita telah mencipta banyak kejayaan, tetapi ini tidak bermakna bahawa

kita boleh selesa berpeluk tubuh mengharap setiap kejayaan yang dicipta pada masa lalu akan berulang dengan sendirinya pada masa depan,” katanya.

Dalam ucapannya, Jefferson turut mengumumkan peruntukan dana RM10,000 kepada KEMAS Kapit untuk menjalankan aktiviti pada tahun depan.

Hadir sama Pegawai KEMAS Bahagian Kapit Lena Tero dan yang lain.